

## ANALISIS GAYA BAHASA PUISI DALAM LAGU TRADISIONAL BONGAI DODOI ANAK

Akbar Amran  
Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: akbaramran17@gmail.com

### Article history:

Received: (15 Oktober 2023)

Accepted: (1 November 2023)

Published: (30 Disember 2023)

### ABSTRAK

Lagu-lagu rakyat di negara kita banyak menonjolkan penggunaan puisi sebagai seni kata lagu. Begitu juga dengan seni muzik bongai yang terkenal dalam kalangan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Kajian ini bertujuan menganalisis penggunaan gaya bahasa dalam lagu Bongai Dodoi Anak. Metodologi kajian melibatkan penyelidikan kualitatif berdasarkan analisis seni kata lagu Bongai Dodoi Anak. Kajian ini menggunakan pendekatan stilistik dalam menghuraikan penggunaan gaya bahasa yang digunakan oleh penulis. Analisis juga dilakukan dengan melakukan bacaan yang teliti bagi setiap perkataan dan frasa bagi menganalisis penggunaan gaya bahasa yang digunakan dalam membina seni kata lagu tersebut. Hasil kajian mendapati penulis memaparkan gaya yang realistik bagi menghasilkan seni kata lagu Bongai Dodoi Anak. Gaya bahasa penulis yang realistik ini memudahkan seni kata lagu ini diterjemah dan difahami dengan mudah walaupun seni kata lagu ini mempamerkan dialek Negeri Sembilan. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini dengan menggunakan pendekatan stilistik bagi menganalisis seni kata lagu dapat membawa pembaca atau pendengar melihat penggunaan gaya bahasa, memahami maksud serta menjelmakan estetika seni kata lagu Bongai Dodoi Anak.

**Kata kunci :** Bongai Dodoi Anak, stilistik, gaya bahasa, seni kata lagu.

### ABSTRACT

*Folk songs in our country emphasis poetry as the art of lyrics. The same goes to bongai music which is famous among the Minangkabau community in Negeri Sembilan. This study is focused on analysing the use of language style in the song Bongai Dodoi Anak. The research methodology involves qualitative research based on the analysis of the lyrics of the song Bongai Dodoi Anak. This study uses a stylistic approach in describing the use of language style used by writers. Analysis is also done by carefully reading each word and phrase to identify the used of language style in writing the lyrics of the song. The results of the study found that the author displays a realistic style to produce the art of song lyrics Bongai Dodoi Anak. The writer's realistic style of language makes it easy to translate and understand the lyrics of this song even though the lyrics of this song shows the Negeri Sembilan dialect. Overall, the implications of this study by using a stylistic approach to analyze the art of lyrics can lead the reader or listener to see the use of language style, understand the meaning and embody the aesthetics of the lyrics of Bongai Dodoi Anak.*

**Key word :** *Bongai Dodoi Anak, stylistic, language style, lyrics.*

## Pengenalan

Penulisan ini dimulakan dengan serangkap pantun:

*Rama-rama sikumbang jati,  
Minum manisan di dalam gua;  
Sama-sama mengembangkan seni,  
Majulah warisan budaya kita.*

Dalam tamadun Melayu pantun merupakan cabang budaya yang melahirkan estetika seni budaya melalui pemikiran bernalas, cekap dan halus sambil mencetuskan nilai tamadun yang tinggi. Serangkap pantun di atas menyatakan bahawa wacana yang dipamerkan ini memiliki pelbagai ujaran tentang pantun yang dianggap remeh dan leluhur bangsa yang segar sepanjang zaman. Kita harus sama-sama mengembangkan pelbagai cabang seni seperti seni muzik dan seni tari yang menjadi mercu kebanggaan dan warisan budaya sejak turun-temurun lagi.

Seni kata lagu bongai terdiri daripada beberapa rangkap pantun yang dicipta sebagai saluran komunikasi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Seni muzik bongai turut mencerminkan sebuah budaya bangsa yang penuh dengan kesederhanaan dan adab sopan. Muzik bongai dicipta berpaksikan kreativiti masyarakat Melayu Negeri Sembilan dengan adunan lirik, alunan muzik dan peralatan muzik bagi melambangkan keindahan yang menjangkau ke tahap yang boleh dinikmati melalui jiwa dan akal. Namun dalam kajian ini pengkaji hanya mengkhususkan kepada nyanyian lagu bongai yang meletakkan kepada lirik lagu bongai sebagai asasnya. Banyak aspek boleh diambil daripada lirik lagu bongai ini yang bukan sahaja berperanan sebagai salah satu cabang komunikasi yang selari dengan jiwa Melayu, malah satu saluran bagi menyampaikan perasaan dan pesanan secara halus.

Bongai merupakan permainan alat muzik atau nyanyian tradisional Negeri Sembilan yang dipercayai berasal dari Pagar Ruyung, Minangkabau, Sumatra Barat Indonesia. Bongai seterusnya dibawa oleh orang Minang ke Negeri Sembilan bersama-sama adat resam dan budaya mereka. Namun dalam proses kelestarian bongai, terdapat sedikit sebanyak perubahan yang berlaku dengan kemasukan unsur-unsur tempatan dan cara permainan serta nyanyian yang tersendiri mengikut acuan budaya dan adat Negeri Sembilan.(Ismail Abdul Hadi,1996). Dalam bahasa yang mudah berbongai adalah satu aktiviti berbalas pantun yang disampaikan dalam bentuk lagu oleh pemantunnya. Lagu ini biasanya dinyanyikan secara solo, berduet atau beramai-ramai. Tetapi dalam persembahan bongai, hanya seorang penyanyi sahaja yang menyanyikan lagu bongai dalam satu-satu masa. Sekitar tahun 1950-an bongai sering dipersembahkan dalam majlis-majlis perkahwinan dan dianggap tidak lengkap majlis perkahwinan tersebut jika tidak berbongai. Sehingga kini, lagu-lagu bongai masih boleh didengari dalam persembahan sebenar dan di media maya.

Dalam kajian ini seni kata lagu bongai dipilih kerana diyakini mengandungi estetika yang membentuk jati diri masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Dalam lagu bongai, terdapat pantun yang bertemakan usik-mengusik yang dinyanyikan bagi menggamit kenangan yang lalu, boleh melupakan bibit-bibit gerhana lantas mentautkan pasangan yang telah bercerai (Ismail Abdul Hadi,1996). Lantaran itu, semestinya lagu bongai ini mempunyai 'roh' yang berupaya mengajak pendengar ke arah kebaikan.

## Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti gaya bahasa yang digunakan dalam seni kata lagu Bongai Dodoi Anak dengan menggunakan pendekatan stilistik. Stilistik memainkan peranan penting dalam bidang bahasa sebagai kaedah untuk memahami makna yang terkandung di dalam sesebuah karya. Stilistik menurut Umar Junus (1989; 2010) adalah ilmu tentang gaya. Gaya ialah cara menyatakan sesuatu yang lain daripada biasa tanpa kelainan makna. Gaya yang digunakan dalam sesebuah karya menampakkan hasil yang tinggi nilainya kerana gaya biasanya dikaitkan dengan keindahan. Keindahan yang memiliki gaya biasanya dikaitkan dengan penggunaan teks namun demikian gaya juga boleh dinilai dalam pelbagai aspek seperti seni tampak dan penciptaan lagu. Kris Mas (1988, ms. 8-13) pula menyatakan stilistik ialah kajian stail bagi mendapatkan kefahaman sebenar tentang teks kesusastraan. Justeru itu, dengan ada kajian ini juga menggambarkan lagu rakyat merupakan khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya serta terkandung pelbagai falsafah dan pemikiran melayu yang unggul yang menjadi teras pembentukan identiti melayu.

## Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis teks. Menurut Bryman (2008), kajian kualitatif adalah strategi kajian yang menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Suhardi Mukmin (2008) menyatakan analisis terhadap teks yang bertujuan untuk memahami karya yang dianalisis sekarang makin berkembang dengan pelbagai jenis pendekatannya. Semua pendekatan dilakukan sebagai usaha merebut makna yang terkandung dalam sesebuah karya sastera serta menikmati keindahannya. Analisis kandungan teks merupakan kaedah yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkatkan kefahaman pengkaji terhadap fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Pengumpulan data melalui analisis teks dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Kajian ini menggunakan bentuk analisis kandungan teks iaitu dengan menggunakan seni kata sebuah lagu yang bertajuk ‘Bongai Dodoi Anak’. Reka bentuk bentuk analisis kandungan teks seni kata lagu ini dipilih bertujuan mencapai objektif kajian iaitu menganalisis penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam seni kata lagu Bongai Dodoi Anak.

## Dapatan Kajian

Suwardi Endraswara (2013) menyatakan bahawa analisis stilistik adalah bertujuan mencari jawapan tentang makna dan fungsi. Makna dicari melalui penafsiran yang dikaitkan keseluruhan karya sedangkan fungsi pula adalah peranan gaya bahasa untuk membangunkan karya. Berikut ialah seni kata lagu ‘Bongai Dodoi Anak’ yang dianalisis menggunakan pendekatan stilistik bagi mengetahui dan merungkai penggunaan gaya bahasa yang terkandung dalam seni kata lagu tersebut.

Buailah buailah anak bobuai,  
Buailah buailah anak berbuai,  
Lolapkan mato, ibu dodoikan;  
Lelapkan mata, ibu dodoikan;  
Airlah mato jatuh tongurai,  
Airlah mata jatuh berderai,  
Maghilah maghi ibu sapukan.  
Marilah mari ibu sapukan.

Kalau nak gugo, gugolah nangko,  
Kalau nak gugur, gugurlah nangka,  
Jangan monimpo si putik pauh tu;  
Jangan menimpa si putik pauh tu;  
    Kalau nak tido, tidolah mato,  
    Kalau nak tidur, tidurlah mata,  
Jangan dikonang orang nan jauh tu.  
Jangan dikenang orang yang jauh tu.

Jangan monimpo si putik pauh tu,  
Jangan menimpa si putik pauh tu,  
Putiklah pauh masihlah yang mudo;  
    Putik pauh masih muda;  
Jangan dikonang orang nan jauh tu,  
Jangan dikenang orang yang jauh tu,  
Sonanglah ayah nak bueklah kojo.  
Senanglah ayah nak buat lah kerja.

Buailah buai lajulah laju,  
    Buailah buai lajulah laju,  
Buailah sampai ko pokoklah sono;  
    Buailah sampai ke pokok sena;  
    Ayah monanti boli baju baghu,  
    Ayah menanti beli baju baru,  
    Bajulah baghu dari kodai cino.  
    Bajulah baru dari kedai cina.

Kalau bomain, bomainlah yang baik,  
Kalau bermain, bermainlah yang baik,  
    Kalau nak tido, tidolah yang leno;  
    Kalau nak tidur, tidurlah yang lena;  
    Kalau bomimpi, mimpilah yang baik,  
    Kalau bermimpi, mimpilah yang baik,  
    Kalau bocakap biarlah bomakno.  
    Kalau bercakap biarlah bermakna.

Ayamlah donak tobang melayang,  
    Ayam denak terbang melayang,  
Tobanglah tangkeh ko pokok yang bosar;  
Terbanglah tangkas ke pokok yang besar;  
    Tidolah anak, anak ku sayang,  
    Tidurlah anak, anak ku sayang,  
    Supayo dogheh monjadilah bosar.  
    Supaya cepat menjadilah besar.

Dalam menganalisis penggunaan gaya bahasa dalam seni kata lagu yang dikaji, analisis ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu gaya penulis, pengulangan dan hiperbola.

(a) Gaya Penulis

Dalam menganalisis gaya penulis didapati bahawa seni kata lagu Bongai Dodoi Anak menjelmakan gaya realistik. Gaya penulis yang realistik ini boleh dikesan pada keenam-enam rangkap seni kata lagu tersebut. Dalam konteks pencirian gaya realistik, penulis memaparkan secara telus tentang cara seorang ibu memujuk anaknya yang sedang bersedih. Contoh paparan gaya realistik adalah seperti berikut:

Buailah buailah anak bobuai,  
Lolapkan mato, ibu dodoikan;  
Air lah mato jatuh tongurai,  
Maghilah maghi ibu sapukan.

Ketelusan cara ibu ketika memujuk anak ini jelas dapat dilihat melalui rangkap pertama dalam seni kata lagu iaitu ibu tersebut memujuk anaknya untuk tidur dengan cara menidurkan anaknya di dalam buaian. Ibu tersebut juga memujuk anaknya supaya melelapkan mata ketika si anak sedang didodoikan oleh sang ibu. Penulis juga memaparkan cara ibu memujuk anaknya dengan mengelap air mata si anak yang sedang mengalir. Seni kata lagu ini memberi gambaran bahawa ibu tersebut bersifat penyayang dan mempunyai perasaan simpati akan anaknya yang sedang menangis. Perihal mengelap air mata si anak ketika menangis adalah sesuatu yang realistik dan lumrah dilakukan oleh setiap ibu yang melihat anaknya bersedih. Maka tergambarlah dalam fikiran kita apabila mendengar perenggan lagu ini dinyanyikan, kita akan berasa sayu, terharu dan simpati akan setiap kasih sayang dan pengorbanan seorang ibu.

Rangkap lain yang menjelmakan gaya realistik adalah seperti berikut:

Kalau nak gugo, gugo la nangko,  
Jangan monimpo si putik pauh tu;  
Kalau nak tido, tido lah mato,  
Jangan dikonang orang nan jauh tu.

Dalam rangkap ini pula penulis menyatakan harapan terhadap buang nangka yang gugur agar tidak menimpa si putik pauh. Putik pauh dalam seni kata lagu ini merujuk kepada buah mangga yang muda. Seandainya buah nangka tersebut gugur dan menimpa buah mangga muda tersebut pastilah buah mangga itu akan gugur dan tidak akan masak sepenuhnya. Seterusnya buah mangga tersebut akan rosak dan tidak dapat dinikmati oleh tuannya. Baris seterusnya pula penulis menyatakan suara hatinya kepada si mata agar dapat tidur dengan lena dan usah mengenang orang yang berjauhan dengan pemilik mata tersebut. Baris ini adalah realistik kerana bagi seseorang yang mahu mendapatkan tidur yang lena, individu tersebut perlulah melapangkan fikiran daripada memikirkan perkara-perkara yang boleh mengganggu fikirannya. Perihal memikirkan orang yang berada berjauhan dari kita merupakan sesuatu yang mengganggu fikiran dan seharusnya tidak difikirkan jika hendak mendapatkan tidur yang lena. Hal ini merupakan satu nasihat yang amat berguna kepada insan yang sedang dilanda kerinduan akibat daripada berjauhan supaya tetap mementingkan tidur yang mencukupi demi kesihatan yang sempurna.

(b) Pengulangan

Analisis seni kata lagu turut memberi tumpuan kepada gaya bahasa pengulangan. Tarigan (2009, ms 180) menyatakan gaya bahasa pengulangan atau repitisi adalah gaya bahasa yang mengandung pengulangan bunyi, suku kata ataupun frasa. Pengulangan penting untuk memberi tekanan dalam sesebuah konteks yang sesuai. Sebanyak 12 gaya bahasa pengulangan yang

dinyatakan oleh Tarigan antaranya ialah aliterasi, asonansi, paralelisme, rima, antanaklasis, kiasmus, epizeukus, tautores, anafora, epifora, simploke, mesodiplosis, epanalepsis dan anadiplosis. Dalam lagu Bongai Irama Dodoi Anak terdapat gaya bahasa pengulangan aliterasi. Menurut Tarigan (2009, ms 181) aliterasi adalah sejenis gaya bahasa yang memanfaatkan pemakaian kata-kata yang permulaannya kata-kata yang sama bunyinya. Umar Junus (1989) dan Aschman (1977, ms.91) menyatakan aliterasi adalah pengulangan konsonan yang sama, biasanya pada awal kata. Fenomena ini lazimnya banyak terdapat dalam penulisan kreatif seperti puisi dan seni kata lagu. Penggunaan unsur bunyi aliterasi juga merupakan pengulangan bunyi-bunyi konsonan horizontal. Pengulangan konsonan yang sama dalam lagu Bongai Dodoi Anak boleh dilihat dalam frasa berikut :

Buailah buailah anak bobuai,  
Lolapkan mato, ibu dodoikan;  
Air lah mato jatuh tongurai,  
Maghilah maghi ibu sapukan.

Kalau nak gugo, gugo la nangko,  
Jangan monimpo si putik pauh tu;  
Kalau nak tido, tido lah mato,  
Jangan dikonang orang nan jauh tu.

Kalau bomain, bomain lah yang baik,  
Kalau nak tido, tido lah yang leno;  
Kalau bomimpi, mimpi lah yang baik,  
Kalau bocakap biarlah bomakno.

Selain daripada gaya bahasa aliterasi, gaya bahasa asonansi juga dapat dikesan dalam seni kata lagu Bongai Dodoi Anak. Asonansi ialah sejenis gaya bahasa pengulangan bunyi vokal yang sama pada setiap baris atau pada setiap ayat yang biasanya secara berturutan supaya memperoleh kesan tertentu dalam puisi atau seni kata lagu. Dalam bahasa Melayu terdapat enam jenis bunyi vokal, tetapi bunyi-bunyi itu dalam penulisan hanya diwakili oleh lima huruf ‘a’, ‘e’, ‘i’, ‘o’ dan ‘u’ sahaja. Berdasarkan analisis terhadap seni kata lagu yang dikaji, pengkaji mendapati bahawa gaya bahasa asonansi memaparkan pengulangan vokal ‘o’. Pengulangan vokal ‘o’ terdapat dalam setiap rangkap seni kata lagu Bongai Dodoi Anak. Antara faktor pengulangan vokal ‘o’ berbanding vokal lain yang terdapat dalam seni kata lagu tersebut adalah kerana faktor dialek Negeri Sembilan itu sendiri. Di sinilah aonansi itu berperanan bagi menambah kemerduan, kelembutan, dan ‘kelemakan’ bunyi yang dinyanyikan.

Buailah buailah anak bobuai,  
Lolapkan mato, ibu dodoikan;  
Air lah mato jatuh tongurai,  
Maghilah maghi ibu sapukan.

Kalau nak gugo, gugo la nangko,  
Jangan monimpo si putik pauh tu;  
Kalau nak tido, tido lah mato,  
Jangan dikonang orang nan jauh tu.

Jangan monimpo si putik pauh tu,  
Putiklah pauh masihlah yang mudo;  
Jangan dikonang orang nan jauh tu,

Sonanglah ayah nak buek lah kojo.

Buailah buai lajulah laju,  
Buailah sampai **ko pokoklah sono**;  
Ayah **monanti boli** baju baghu,  
Bajulah baghu dari **kodai cino**.

Kalau **bomain**, **bomainlah** yang baik,  
Kalau **nak tido**, **tidolah** yang leno;  
Kalau **bomimpi**, **mimpilah** yang baik,  
Kalau **bocakap** biarlah **bomakno**.

Ayamlah donak tobang melayang,  
Tobanglah tangkeh ko pokok yang bosar;  
Tidolah anak, anak ku sayang,  
Supayo dogheh monjadilah bosar.

Dalam seni kata lagu yang dikaji juga terdapat gaya bahasa responsif. Responsif atau mesodilopsis ialah gaya bahasa pengulangan yang mengulang kata atau beberapa kata di bahagian tengah ayat atau di bahagian tengah baris sesuatu ayat. Pengulangan kata ini dapat dilihat dalam seni kata yang dianalisis. Antara kata yang diulang di tengah-tengah seni kata lagu ini ialah pengulangan parikel ‘lah’. Kata penegas partikel ‘lah’ digunakan sebagai penegas dalam sesuatu ayat atau pernyataan serta frasa predikat atau bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Perkataan ‘lah’ digunakan untuk menegaskan sesuatu perintah, permintaan dan pernyataan. Pengulangan penggunaan kata penegas partikel ‘lah’ telah digunakan berulang kali dalam setiap rangkap seni kata lagu Bongai Dodoi Anak. Jelaslah bahawa, partikel ‘lah’ yang banyak digunakan dalam senikata lagu ini bertujuan menegaskan dengan kelembutan sesuatu keterangan yang mengandungi kalimah-kalimah perintah, permintaan dan harapan yang lembut dan halus.

Buailah buailah anak bobuai,  
Lolapkan mato, ibu dodoikan;  
Airlah mato jatuh tongurai,  
Maghilah maghi ibu sapukan.

Kalau nak gugo, gugolah nangko,  
Jangan monimpo si putik pauh tu;  
Kalau nak tido, tidolah mato,  
Jangan dikonang orang nan jauh tu.

Jangan monimpo si putik pauh tu,  
Putiklah pauh masihlah yang mudo;  
Jangan dikonang orang nan jauh tu,  
Sonanglah ayah nak buek lah kojo.

Buailah buailah anak bobuai,  
Lolapkan mato, ibu dodoikan;  
Airlah mato jatuh tongurai,  
Maghilah maghi ibu sapukan.

Kalau bomain, bomainlah yang baik,  
Kalau nak tido, tidolah yang leno;  
Kalau bomimpi, mimpilah yang baik,  
Kalau bocakap biarlah bomakno.

Ayamlah donak tobang molayang,  
Tobanglah tangkeh ko pokok yang bosar;  
Tidolah anak, anak ku sayang,  
Supayo dogheh monjadilah bosar.

Keraf (2007, ms.126) mendefinisikan paralelisme adalah gaya bahasa yang berusaha mencapai kesejajaran dalam pemakaian kata-kata atau frasa-frasa yang menduduki fungsi yang sama dalam bentuk gramatik yang sama. Gaya bahasa yang sering digunakan oleh penulis seni kata ialah gaya bahasa paralelisme. Paralelisme merupakan gaya bahasa dalam puisi yang mengandungi pengulangan perkataan, ungkapan, baris dan rangkap. Tujuan pengulangan adalah untuk menguatkan maksud tertentu dan menimbulkan suasana pengucapan yang muzikal, berirama dan indah. Paralelisme ini jelas terkandung dalam seni kata lagu Bongai Dodoi Anak. Kesejajaran ini juga dapat dilihat dalam rima akhir lagu yang dikaji. Rima akhir ialah bunyi yang sama pada huruf akhir atau kata akhir dalam sesuatu rangkap yang terdapat dalam puisi seperti pantun, syair dan gurindam. Contoh rima ialah ‘aaaa’, ‘abab’ atau ‘abcabc’. Rima ialah susunan bunyi atau keselarasan huruf pada akhir kata atau suku kata terakhir dalam sesuatu baris atau serangkap puisi sekaligus menciptakan simetri yang menyenangkan atau bahkan indah di antara bait-bait puisi. Rima dapat memberikan gambaran yang ingin diciptakan dalam senika kata lagu dan dapat menggambarkan makna, emosi, atau perasaan.. Berikut ialah beberapa rangkap rima akhir ‘abab’ yang terkandung dalam seni kata lagu Bongai Dodoi Anak.

Buailah buailah anak bobuai,  
Lolapkan mato, ibu dodoikan;  
Airlah mato jatuh tongurai,  
Maghi lah maghi ibu sapukan .

Kalau nak gugo, gugolah nangko,  
Jangan monimpo si putik pauh tu;  
Kalau nak tido, tido lah mato,  
Jangan dikonang orang nan jauh tu.

Jangan monimpo si putik pauh tu,  
Putiklah pauh masih lah yang mudo;  
Jangan dikonang orang nan jauh tu,  
Sonanglah ayah nak buek lah kojo,

Buailah buai lajulah laju,  
Buailah sampai ko pokoklah sono;  
Ayah monanti boli baju baghu,  
Bajulah baghu dari kodai cino.

d) Hiperbola

Kelebihan gaya bahasa hiperbola ini adalah mengangkat sesuatu kalimat atau frasa ditempat yang tinggi. Menurut pandangan Md Sidin dan Mohd. Saleeh (2008, ms. 192) hiperbola adalah

penggunaan kata yang maknanya berlebih-lebihan untuk menerangkan sesuatu bagi tujuan meningkatkan kesan. Gaya bahasa hiperbola yang terdapat dalam seni kata lagu Bongai Dodoi Anak dapat dikesan pada frasa /buailah sampai ko pokok sono/ dan /tobanglah tangkeh ko pokok yang bosar.

Buai lah buai laju laju  
Buailah sampai ko pokoklah sono  
Ayah monanti boli baju baghu  
Baju lah baghu dari kodai cino

Ayam lah donak tobang molayang  
Tobang lah tangkeh ko pokok yang bosar  
Tido lah anak, anak ku sayang  
Supayo dogheh monjadi lah bosar

Berdasarkan analisis yang dibuat, hanya dua rangkap daripada enam rangkap seni kata lagu yang dikaji mengandungi gaya bahasa hiperbola iaitu pada rangkap keempat dan keenam. Hiperbola berlawanan dengan gaya kata *understatement* iaitu menyatakan sesuatu yang hebat dengan bahasa yang sangat sederhana.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, analisis stilistik bertujuan untuk meneliti dan menghurai pelbagai aspek kebahasaan yang terdapat dalam sesebuah karya sastera. Pelbagai aspek seperti bunyi, kata dan ayat akan dikategorikan mengikut tempat masing-masing. Seterusnya semua aspek yang telah dikumpulkan itu akan dikaji dan difahami maksudnya. Komponen-komponen bahasa tersebut akan dihubungkan antara satu sama lain untuk menghasilkan sebuah karya yang indah dan bermakna. Menggunakan pendekatan ini, pembaca akan dapat melihat kaedah sesebuah teks atau karya sastera dicipta dan dibina dengan mengintegrasikan pelbagai unsur yang terdapat dalam bahasa. Selain itu, pembaca juga akan dapat menilai estetika dalam sesebuah karya serta ciri-ciri peribadi penulis karya tersebut berdasarkan makna yang telah diketahui dan difahami setelah meneliti sesebuah karya menggunakan teori stilistik. Dalam lagu Bongai Dodoi Anak kita dapat melihat bahawa penulis menulis dengan realistik. Pantun yang dicipta sebagai tunjang seni kata lagu yang dikaji bersifat mudah difahami, tidak meleret dengan penggunaan metafora dan simile yang perlu diperhalusi. Seni kata lagu ini juga bersifat realistik dengan mengaitkan fitrah seorang ibu yang berusaha memujuk anaknya yang sedang berada dalam kesedihan. Selain itu dapat dilihat seni kata lagu yang dikaji memaparkan pengulangan gaya bahasa aliterasi, asonansi dan responsif. Sebagai mengindahkan maksud seni kata lagu, gaya bahasa hiperbola turut diselitkan seterusnya, mempamerkan falsafah humanisme yang menjadi teras penciptaan seni kata lagu bongai. Peranan puisi dan karya sastera mengingatkan kita tentang keindahan, keramahan dan keunikan bahasa dalam dunia yang semakin kasar. Jelaslah bahawa, puisi juga berperanan mengingatkan nilai keluhuran dan kejukejujuran dan berpesan-pesan. Kajian ini serba-sedikit dapat memberikan kita gambaran tentang bahasa yang digunakan dalam seni kata lagu Bongai Dodoi Anak dan hubungan seni kata tersebut dengan pemikiran masyarakat Melayu Negeri Sembilan khasnya dan masyarakat lainnya.

## RUJUKAN

- A. Halim Ali. (2019). *Pengetahuan Asas Penyelidikan Kesusastraan Melayu*. MZ Edu Publication.
- Al-Ma'ruf, Ali Imron. (2014). *Stilistika : Teori, Metode dan Aplikasi Pengkajian Estetika Bahasa*. Cakra Books Solo.
- Amir Husairi Sharif. *Apa Ada Pada Lirik*. Dewan Budaya, Mei 2006
- Aschmann, L. (1997). *500 Songwriting Ideas : For Brave and Passionate People*. Mix Books.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2009) *Kurik Kundi Merah Saga, Kumpulan Pantun Lisan Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur
- Faiziah. (2014). *Bongai Sebagai Manisfestasi Bahasa Dan Budaya Berdasarkan Pendekatan Semiotik* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Putra Malaysia
- Firdaus Mul, *Bahasa Melayu Cerminan Jati Diri dan Identiti Bangsa Malaysia*, Dewan Bahasa, Jun 2023
- Harun Mat Piah. (2004). *Puisi Melayu Tradisional: Nasihat Dan Pengajaran*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Abdul Hadi. (1996). *Bongai Nyanyian Tradisional Negeri Sembilan*. Grup Penulis Guru Negeri Sembilan Jabatan Pendidikan N. Sembilan.
- Leech, G. and Short, M. (2001). *Style in Fiction: A Linguistic Introduction to English Fictional Prose Foreign Language*. Beijing: Teaching and Research Press.
- Lim Swee Tin. *Lirik Lagu : Cerminan Citra Budaya Bangsa*. Dewan Budaya, Mei 2006.
- Mohd Azam bin Sulong. (2018) *Estetika Lagu-lagu Melayu Popular Berdasarkan Aspek Seni Kata dan Melodi Lagu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Zin. (1998). *Pengenalan Ringkas Bongai Lagu Tradisional Negeri Sembilan*. Unit Pemuliharaan dan Penyelidikan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan.
- Muhammad Fadzeli Jaafar. (1999). *Aplikasi Analisis Stilistik*. Pelita Bahasa. Disember.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). *Stalistik Komsas*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramli Sarip. *Citra Bangsa dalam Lirik*. Dewan Budaya, Mei 2006.
- Rais Yatim, Datuk Seri Utama. (2013). *Pantun & Bahasa Indah : Jendela Budaya Melayu*. Endoment Publications.
- Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias (2006). *Pandangan Semester Melayu: Pantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siso. *Kami Jujur Mengangkat Martabat Bangsa*. Dewan Budaya, Mei 2006.
- Siti Hajar Che Man. (2013). *Kelestarian Pantun : Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya*. International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)1 (1).
- Suhardi Mukmin. (2008). *Teori dan Aplikasi Stilistik.(Penyunting)*.Palembang : Universitas Sriwijaya.
- Suhardi Endraswara. (2002). *Metodologi Penelitian Sastra : Epistemologi, Model, Teori dan Aplikasi*. Yogyakarta : Centre for Academic Publishing Service.
- Tarigan, H.G. (2009). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Penerbit Angkasa.
- Umar Junus. (1989). *Stalistik Satu Pengantar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.